

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1994/95**

**Oktober/November 1994**

**EUP 302 - Psikologi Perindustrian**

**Masa : [2 jam]**

---

**ARAHAN KEPADA CALON:**

1. Sila pastikan kertas peperiksaan ini mengandungi 2 mukasurat bercetak dan 4 soalan sebelum anda memulakan peperiksaan.  
Jawab semua soalan dari bahagian tersebut.
2. Jawapan bagi tiap-tiap soalan hendaklah dimulakan di muka surat yang baru.

1. Apakah itu Budaya Korporat (Corporate Culture) dan kenapakah Budaya Korporat mustahak. (25 markah)

2. Oleh kerana Budaya Korporat mustahak, seorang pengurus mesti tahu cara-cara menanamkan pengetahuan mengenai Budaya Korporat ke dalam pemikiran pekerja. Dengan bantuan rajah huraikan dengan jelas cara-cara tersebut. (25 markah)

3. Puan Martum Putih, adalah seorang graduan USM dan adalah seorang jurutera yang bertauliah. Suatu hari Puan Martum telah menghadiri satu temuduga dengan sebuah organisasi yang terkemuka di Kuala Lumpur.

Dalam sesi temuduga tersebut salah seorang daripada penemuduga telah memberi komen yang sinis kepada Martum “*Puan Martum, daripada maklumat yang saya perolehi daripada puan, saya rasa dan yakin puan tidaklah layak untuk menyandang tugas yang mencabar ini, tugas ini pada hemat saya adalah sesuai diberi kepada seorang lelaki dan pada pandangan saya puan lebih sesuai berada di rumah dan menjaga anak dan suami yang sangat memerlukan bantuan puan di rumah*”.

- (a) Apakah kesilapan Persepsi (Perceptual Error) yang telah dilakukan oleh penemuduga tersebut. (5 markah)

- (b) Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kesilapan yang dilakukan oleh penemuduga tersebut. (10 markah)

- (c) Apakah yang akan diterangkan oleh anda kepada penemuduga tersebut jika perkara yang sama berlaku kepada anda. (10 markah)

4. Senaraikan dan terangkan lima cara untuk mengurangkan tentangan kepada sesuatu perubahan (resistance to change) yang ingin dilakukan oleh seorang jurutera di dalam jabatannya. (25 markah)